MANUAL PENGURUSAN MODEL PERUNDANGAN WASIAT

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

SEKAPUR SIREH

KETUA PENGARAH

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

(JAWHAR)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan keizinan-Nya jua, sebuah lagi Siri Manual Pengurusan berjudul Manual Pengurusan Model Perundangan Wasiat (MPMPW) berjaya diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana diketahui umum, hukum faraid merupakan undang-undang utama dalam pembahagian harta pusaka bagi seseorang yang telah meninggal dunia. Namun, Islam masih menggalakkan kita membuat wasiat jika kita mempunyai harta ketika kita masih hidup terutamanya dalam situasi-situasi yang memerlukan. Antaranya untuk tujuan kebajikan umum (*maslahah 'ammah*) atau kerana seseorang itu mempunyai tanggungjawab lain seperti anak angkat, cucu yang telah kematian ibu bapa dan seumpamanya.

Buat masa ini iaitu sehingga MPMPW ini diterbitkan, hanya tiga buah negeri sahaja di Malaysia yang mempunyai undang-undang berkaitan wasiat yang tersendiri iaitu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Justeru, dengan penghasilan MPMPW ini diharapkan agar ia dapat dijadikan garis panduan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam penggubalan dan penyeragaman undang-undang wasiat orang Islam bagi negeri masing-masing sesuai dengan peranannya selaku pemegang amanah harta umat Islam di Malaysia.

Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan dan penerbitan MPMPW ini terutamanya barisan pakar-pakar rujuk, pegawai agensi-agensi yang terlibat, para pegawai MAIN dan juga para pegawai serta urus setia dari JAWHAR yang telah bekerjasama menyumbangkan kepakaran, idea, tenaga, masa dan pengalaman sepanjang penyediaan MPMPW ini. Semoga usaha murni kita ini akan mendapat keberkatan dan keredaan Allah SWT, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

والسلام

DATUK HJ. ANAN BIN C. MOHD
Ketua Pengarah JAWHAR

Penghargaan

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang padu dalam menyiapkan Manual Pengurusan Model Perundangan Wasiat (MPMPW) ini.

Khususnya, sekalung penghargaan diucapkan kepada barisan pakar-pakar rujuk iaitu YBhg. Prof. Madya Mohd. Ridzuan bin Awang dan Pn. Noor Lizza binti Mohamed Said dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), En. Mohd Syahrizal Syah bin Zakaria dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), En. Ahmad Saruji bin Abdul Aziz dari KOPSYA Angkasa Berhad dan En. Indera Shahril bin Mohd Shahid dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta para pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Perbadanan Baitulmal yang telah menyumbang idea dan buah fikiran bagi penerbitan MPMPW ini.

Semoga kesudian YBhg. Prof./tuan/puan berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman dalam merealisasikan penerbitan MPMPW ini akan dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah SWT dan mendapat balasan pahala yang berlipat kali ganda, insya-Allah. *Jazakumullahu khairal-jaza'.*

Abstrak

Manual Pengurusan Model Perundangan Wasiat (MPMPW) merupakan salah satu terbitan Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang menyediakan garis panduan serta model perundangan wasiat bagi tujuan penggubalan dan penyeragaman undang-undang wasiat orang Islam di negeri-negeri.

Di dalam MPMPW ini, setiap bab diperkemas dengan pengagihan tajuk dan huraian yang sesuai di mana Bab 1 mengandungi objektif, skop dan kaedah penyediaan manual. Seterusnya, Bab 2 menyentuh tentang model perundangan wasiat yang disusun mengikut susunan fasal iaitu sebanyak 36 Fasal yang dibahagikan kepada tujuh bab utama iaitu bermula dengan Bab I (Permulaan) sehingga Bab VII (Am). Selain itu, Bab 2 juga turut menerangkan tentang pindaan-pindaan khusus yang perlu dilakukan mengikut keperluan di negeri masing-masing.

Bab 3 pula iaitu bab penutup menerangkan tentang impak yang diharapkan daripada penerbitan MPMPW ini. Dengan terbitnya MPMPW ini diharapkan agar ia dapat dijadikan garis panduan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam penggubalan dan penyeragaman undang-undang wasiat orang Islam bagi negeri masing-masing sesuai dengan peranannya selaku pemegang amanah harta umat Islam di Malaysia.

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH KETUA PENGARAH JAWHAR			i
PENGHARGAAN			iii
ABSTRAK			iv
BAB 1:	**PENDAHULUAN**		
	1.1.	Pengenalan	1
	1.2.	Objektif	2
	1.3.	Skop	2
	1.4.	Kaedah	3
	1.5.	Kesimpulan	3
BAB 2:	**MODEL RANG UNDANG-UNDANG WASIAT ORANG ISLAM**		
	2.1.	Pengenalan	4
	2.2.	Model Rang Undang-Undang Wasiat Orang Islam	5
	2.3.	Pindaan-pindaan Khusus Mengikut Keperluan	38
	2.4.	Kesimpulan	39
BAB 3:	**PENUTUP**		
	3.1.	Pengenalan	40
	3.2.	Impak	40
	3.3.	Kesimpulan	42

BAB 1

PENDAHULUAN

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut..."

(Surah al-Ma'idah, Ayat 106)

1.1. PENGENALAN

Manual Pengurusan Model Perundangan Wasiat (MPMPW) ini diterbitkan bertujuan untuk dijadikan garis panduan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam penggubalan dan penyeragaman undang-undang wasiat orang Islam bagi negeri masing-masing sesuai dengan peranan MAIN selaku pemegang amanah harta umat Islam di Malaysia. MPMPW merupakan manifestasi daripada salah satu peranan JAWHAR selaku Agensi Persekutuan untuk meningkatkan tadbir urus terbaik institusi-institusi wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia. Bab pertama ini akan menyentuh tentang aspek penyediaan MPMPW yang terdiri daripada objektif, skop dan kaedah penyediaan Manual.

1.2. OBJEKTIF

MPMPW ini bertujuan untuk:

i. Menyediakan model undang-undang wasiat terbaik untuk dijadikan panduan dalam penggubalan dan penyeragaman undang-undang wasiat orang Islam oleh pihak MAIN;

ii. Memperkemas dan menyeragamkan prosedur serta kaedah pengurusan wasiat orang Islam bagi semua MAIN;

iii. Menambah baik dan meningkatkan tahap kecekapan dalam pengurusan wasiat orang Islam agar lebih efisien dan sistematik; dan

iv. Menyebarluaskan ilmu pengetahuan berkaitan pengurusan wasiat orang Islam dan perundangan yang berkaitan kepada masyarakat secara umum.

1.3. SKOP

MPMPW ini secara umumnya menyentuh tentang aspek undang-undang dan peruntukan yang berkaitan dengan wasiat serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Peruntukan-peruntukan dalam model perundangan wasiat ini pada bahagian awalnya akan menerangkan tentang permulaan kepada rang undang-undang wasiat yang dicadangkan serta perkara-perkara asas berkaitan pembentukan wasiat. Seterusnya, MPMPW menerangkan tentang wasiat terbatal atau terhalang, penarikan balik wasiat, penerimaan atau penolakan wasiat, peruntukan yang berhubungan dengan penerima wasiat dan peruntukan am.

Justeru, MPMPW ini selain berperanan untuk menjadi garis panduan dan model bagi perundangan wasiat di negeri-negeri, ia juga terbuka untuk rujukan masyarakat umum agar lebih peka dengan kepentingan instrumen wasiat dalam perancangan dan pengurusan harta umat Islam demi kebajikan bersama.

1.4. KAEDAH PENYEDIAAN

MPMPW ini disediakan melalui kaedah perbincangan secara langsung, sumbang saran idea, kepakaran serta pengalaman para ahli akademik daripada Universiti Kebangsaan Malaya (UKM), pegawai agensi-agensi berkaitan, pegawai MAIN dari seluruh negara serta pegawai-pegawai kanan JAWHAR. Kepakaran dan pengalaman semua yang terlibat dikumpul dan dicanai dalam beberapa siri mesyuarat dan bengkel sehingga MPMPW ini berjaya diterbitkan.

1.5. KESIMPULAN

Diharapkan agar penerbitan MPMPW ini dapat memberi impak yang besar dan positif kepada pihak MAIN khasnya serta umat Islam amnya dari segi pengurusan dan perancangan harta melalui instrumen wasiat. Secara tidak langsung, MPMPW ini juga akan memberi kesedaran kepada orang ramai dalam melihat signifikan kewujudan institusi Baitulmal serta peranannya sebagai pentadbir (wasi) dan pemegang amanah harta umat Islam yang bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan masyarakat umum (*maslahah 'ammah*) sebagaimana peranannya pada zaman kegemilangan tamadun Islam suatu ketika dahulu.

BAB 2



MODEL RANG UNDANG-UNDANG WASIAT ORANG ISLAM

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesiapa yang mati dalam keadaan meninggalkan wasiat maka dia mati di atas jalan yang satu dan mengikut sunnah dan dia mati sebagai seorang yang bertakwa dan bersyahadat serta mati dalam keadaan dosa-dosanya diampunkan."

(Hadis riwayat Ibn Majah)

2.1 PENGENALAN

Wasiat adalah salah satu daripada bahagian fiqah yang mengatur pembahagian harta seseorang Muslim semasa hidup dan berkuat kuasa selepas kematiannya. Berwasiat adalah sunat (mandub) dan digalakkan terutamanya dalam perkara-perkara yang bersifat kebajikan. Wasiat merupakan satu instrumen yang penting dalam perancangan harta umat Islam selepas berlaku kematian selain daripada faraid, di mana faraid merupakan kaedah utama dalam pembahagian harta pusaka peninggalan si mati.

Bab ini akan menyentuh model perundangan wasiat orang Islam yang merangkumi permulaan kepada rang undang-undang wasiat yang dicadangkan, pembentukan wasiat, wasiat terbatal atau terhalang, penarikan balik wasiat, penerimaan atau penolakan wasiat, peruntukan yang berhubungan dengan penerima wasiat dan peruntukan am.

2.1. MODEL RANG UNDANG-UNDANG WASIAT ORANG ISLAM

RANG UNDANG-UNDANG CADANGAN

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PEMBENTUKAN WASIAT

3. Wasiat boleh dibuat dengan lisan, tulisan atau isyarat
4. Kelayakan pewasiat
5. Wasiat bersyarat
6. Pindaan wasiat
7. Pembuktian wasiat
8. Kelayakan wasi
9. Syarat penerima wasiat
10. Syarat harta yang diwasiatkan
11. Kaedah berwasiat
12. Kadar harta yang diwasiatkan
13. Penyelesaian tanggungan sebelum pelaksanaan wasiat
14. Wasiat kepada tempat-tempat ibadat dan badan-badan kebajikan

BAHAGIAN III

WASIAT TERBATAL DAN WASIAT TERHALANG

Fasal

15. Wasiat terbatal
16. Wasiat terhalang

BAHAGIAN IV

PENARIKAN BALIK WASIAT

17. Perbuatan yang boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat
18. Perbuatan yang tidak boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat

BAHAGIAN V

PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN WASIAT

19. Penerimaan atau penolakan wasiat
20. Penerimaan atau penolakan oleh penjaga
21. Penerimaan atau penolakan oleh badan yang diperbadankan
22. Tempoh penerimaan atau penolakan wasiat
23. Penerimaan sebahagian daripada wasiat
24. Penolakan sebelum dan selepas kematian pewasiat
25. Hak penerima wasiat ke atas harta yang diwasiatkan

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENERIMA WASIAT

26. Wasiat kepada penerima wasiat yang belum wujud
27. Wasiat kepada pihak tertentu
28. Wasiat kepada anak dalam kandungan
29. Anak dalam kandungan yang dilahirkan lebih daripada seorang

30. Wasiat kepada waris

Fasal

31. Wasiat wajibah

32. Kadar wasiat wajibah

BAHAGIAN VII

AM

33. Hukum syarak

34. Kuasa membuat kaedah-kaedah

35. Pengecualian

36. Peralihan

JADUAL **P**ERTAMA

JADUAL **K**EDUA

MODEL RANG UNDANG-UNDANG
(RANG UNDANG-UNDANG CADANGAN)

bernama

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan undang-undang wasiat orang Islam dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri …….. seperti berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan **Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri ……..) 201…..**

(2) Enakmen ini hendaklah terpakai bagi –

(a) Negeri .....; dan

(b) mana-mana orang yang menganut agama Islam sahaja.

(3) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya diwartakan.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

"dilahirkan hidup" ertinya seseorang yang dilahirkan hidup menurut hukum syarak;

"Enakmen Pentadbiran" ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri ……..) 20....;

"Hakim" ertinya Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;

"harta" termasuklah –

(a) harta alih atau harta tak alih dan hak dalam harta intelek;

(b) apa-apa manfaat, keuntungan atau kepentingan dalam apa-apa harta alih atau harta tak alih dan harta intelek;

(c) apa-apa hak, kepentingan atau hak milik yang sempurna; dan

(d) kepakaran atau perkhidmatan,

yang mempunyai nilai menurut hukum syarak;

"harta pusaka" ertinya semua harta peninggalan si mati;

"hukum syarak" ertinya hukum syarak mengikut Mazhab Syafii, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali;

"hutang" ertinya wang dan lain-lain yang dipinjam daripada orang atau badan, dalam konteks Enakmen ini, hutang termasuklah hutang kepada Allah seperti Zakat, Fidyah, Kafarah, Nazar dan sebagainya;

"*iqrar*" ertinya suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan di bawah subseksyen ……. Enakmen Pentadbiran;

"*marad al-maut*" ertinya sesuatu penyakit yang dideritai secara berterusan oleh pewasiat dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun yang menyebabkan kematiannya;

"orang" termasuklah kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

"orang yang tidak sempurna akal" ertinya mana-mana orang yang celaru mental, tidak berupaya untuk mengawal fikirannya atau menguruskan hal ehwal dirinya*;*

"penerima wasiat" ertinya orang yang menerima apa-apa harta yang diwasiatkan;

"penjaga" ertinya seseorang yang berhak bertindak sebagai wali harta bagi kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun atau orang yang tidak sempurna akal dan termasuklah seseorang yang dilantik sebagai penjaga oleh Hakim;

"pewasiat" ertinya orang yang membuat wasiat;

"*qarinah*" ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri ……..) 20....;

"*urf*" ertinya adat atau amalan yang diiktiraf oleh masyarakat atau golongan orang tertentu sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan;

"waris" ertinya seseorang yang berhak mewarisi harta pusaka menurut hukum syarak;

"wasi" ertinya seseorang atau badan yang kepadanya diamanahkan pelaksanaan sesuatu wasiat dan termasuklah seseorang yang dilantik sebagai wasi oleh Hakim;

"wasiat" ertinya *iqrar* seseorang yang dibuat pada masa hayatnya ke atas hartanya untuk disempurnakan selepas kematiannya bagi maksud kebajikan yang dibenarkan menurut hukum syarak;

"wasiat *ikhtiyariyyah*" ertinya wasiat secara pilihan; dan

"wasiat *wajibah*" ertinya wasiat yang diwajibkan melalui peruntukan undang-undang bertulis.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Enakmen ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Bahagian Satu (I) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*], hendaklah mempunyai masing-masing erti yang diberikan kepadanya dalam Akta itu setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan hukum syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang sifat atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang

disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN II

PEMBENTUKAN WASIAT

Wasiat boleh dibuat dengan lisan, tulisan atau isyarat

3. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat dengan lisan atau tulisan; dan jika pewasiat itu tidak dapat melakukan sedemikian, wasiatnya bolehlah dibuat dengan cara isyarat yang boleh difahami.

(2) Sesuatu wasiat lisan, tulisan atau isyarat hendaklah dibuat di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh diterima menurut hukum syarak.

(3) Wasiat di bawah subseksyen (1) boleh dibuat bagi tempoh tertentu atau untuk selama-lamanya.

(4) Sesuatu wasiat bertulis bolehlah dibuat mengikut borang yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Kelayakan pewasiat

4. (1) Pewasiat hendaklah seorang yang –

(a) telah mencapai umur lapan belas tahun;

(b) sempurna akal;

(c) bertindak dengan sukarela dan tidak dipaksa; dan

(d) tidak dihalang daripada mengurus hartanya.

(2) Jika seseorang pewasiat dalam keadaan sakit, dia hendaklah waras fikiran, baik daya ingatan dan memahami sesuatu wasiat itu dibuat.

(3) Jika pewasiat dalam keadaan *marad al-maut* dia hendaklah waras fikiran dan memahami akan keadaan dan akibat tindakannya semasa sesuatu wasiat itu dibuat.

Wasiat bersyarat

5. (1) Pewasiat boleh membuat apa-apa wasiat secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat.

(2) Sesuatu wasiat yang tertakluk kepada apa-apa syarat termasuk syarat yang menentukan cara bagaimana harta wasiat itu akan digunakan adalah sah jika syarat itu tidak dilarang atau tidak bertentangan dengan tujuan syariah dan hukum syarak.

Pindaan wasiat

6. (1) Pewasiat boleh meminda sesuatu wasiat dengan menambah, mengurang atau mengganti harta-harta yang diwasiatkan, penerima wasiat yang dinamakan atau perkara-perkara yang dinyatakan di dalam wasiat.

(2) Jika penerima wasiat lebih dari seorang dan kadar pembahagian tidak ditentukan oleh pewasiat di bawah subseksyen (1), penerima wasiat hendaklah berkongsi dengan kadar sama rata pembahagian harta yang diwasiatkan itu.

Pembuktian Wasiat

7. (1) Tiada apa-apa pembuktian atau keterangan berhubung dengan pindaan atau pembatalan sesuatu wasiat bertulis selepas kematian pewasiat boleh diterima oleh Mahkamah melainkan ianya disokong oleh dokumen-dokumen yang ditulis dan ditandatangani oleh pewasiat.

(2) Jika terdapat halangan bagi pengemukaan keterangan dokumen yang disebut dalam subseksyen (1), keterangan tentang pindaan atau pembatalan sesuatu wasiat itu bolehlah dibuktikan melalui keterangan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh diterima menurut hukum syarak.

(3) Sesuatu wasiat lisan atau isyarat hendaklah dibuktikan melalui keterangan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh diterima menurut hukum syarak.

Kelayakan wasi

8. (1) Wasi hendaklah orang –

(a) Islam;

(b) yang adil;

(c) telah mencapai umur lapan belas tahun;

(d) sempurna akal; dan

(e) mempunyai keupayaan mengurus hartanya.

(2) Wasi juga termasuk badan yang diamanahkan oleh pewasiat atau badan yang dilantik oleh Hakim.

Syarat penerima wasiat

9. Penerima wasiat hendaklah orang atau badan yang –

(a) wujud dan diketahui dengan jelas;

(b) bukan waris;

(c) boleh menerima harta yang diwasiatkan menurut hukum syarak;

(d) mempunyai kelayakan untuk memiliki dan mengurus harta yang diwasiatkan menurut mana-mana undang-undang bertulis; dan

(e) jika ditentukan, hendaklah wujud semasa wasiat itu dibuat dan jika tidak ditentukan, penerima wasiat tidak perlu wujud sama ada semasa wasiat itu dibuat atau semasa kematian pewasiat.

Syarat harta yang diwasiatkan

10. Sesuatu harta yang diwasiatkan hendaklah –

(a) sesuatu yang boleh dijadikan harta pusaka atau boleh dijual beli semasa hidup pewasiat;

(b) sesuatu yang bernilai;

(c) sesuatu yang boleh dipindah milik selepas kematian pewasiat;

(d) sesuatu yang wujud dan dalam milik pewasiat, jika ditentukan atau wujud semasa kematian pewasiat, jika tidak ditentukan; dan

(e) sesuatu yang harus dan bukan sesuatu yang haram atau maksiat.

Kaedah berwasiat

11. Sesuatu wasiat boleh dibuat dengan –

(a) memberi harta atau mana-mana bahagian daripada harta yang telah atau akan diperoleh melalui harta pusaka kepada penerima wasiat; atau

(b) memberi pinjaman kepada penerima wasiat mana-mana bahagian daripada harta.

Kadar harta yang diwasiatkan

12. (1) Sesuatu wasiat hendaklah dibuat pada kadar tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka pewasiat, dan sekiranya melebihi daripada satu pertiga hendaklah mendapat persetujuan daripada waris pewasiat selepas kematian pewasiat.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika sebahagian waris bersetuju dengan kadar yang melebihi daripada satu pertiga dan sebahagian yang lain tidak bersetuju, maka penerima wasiat berhak ke atas kadar bahagian waris yang bersetuju sahaja.

Penyelesaian tanggungan sebelum pelaksanaan wasiat

13. Sesuatu wasiat hendaklah dilaksanakan selepas ditunaikan segala tanggungan pewasiat mengikut keutamaan berikut –

(a) perbelanjaan penyempurnaan jenazah; dan

(b) hutang kepada Allah dan hutang sesama manusia.

Wasiat kepada tempat ibadat dan badan kebajikan

14. Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada tempat ibadat, badan kebajikan atau kepada mana-mana pihak yang boleh mendatangkan manfaat kepada kebajikan umum menurut hukum syarak dan jika wasiat itu tidak menentukan cara penggunaannya, ia hendaklah digunakan untuk apa-apa tujuan kebajikan umum.

BAHAGIAN III

WASIAT TERBATAL DAN WASIAT TERHALANG

Wasiat terbatal

15. Sesuatu wasiat hendaklah terbatal jika –

(a) pewasiat menarik balik wasiatnya;

(b) penerima wasiat mati sebelum pewasiat;

(c) pewasiat hilang kelayakan mengikut subseksyen 4(1); atau

(d) penerima wasiat tidak memenuhi syarat-syarat penerimaan wasiat.

Wasiat terhalang

16. Penerima wasiat yang membunuh atau bersubahat untuk membunuh pewasiat atau menjadi saksi palsu yang keterangannya menyebabkan pewasiat dihukum bunuh dan hukuman tersebut dilaksanakan, adalah terhalang dan tidak berhak menerima bahagiannya di dalam wasiat itu:

Dengan syarat bahawa pembunuhan tersebut adalah dilakukan tanpa hak atau keuzuran syarie dan penerima wasiat adalah sempurna akal dan telah mencapai umur matang menurut hukum syarak.

BAHAGIAN IV

PENARIKAN BALIK WASIAT

Perbuatan yang boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat

17. Seseorang pewasiat boleh dianggap menarik balik keseluruhan atau sebahagian wasiatnya secara nyata atau tersirat apabila dia –

(a) melakukan apa-apa perbuatan atau menimbulkan keadaan yang ditunjukkan melalui *qarinah* atau *urf* bahawa dia telah menarik balik wasiatnya;

(b) melupuskan semua hartanya; atau

(c) mewujudkan wasiat baru.

Perbuatan yang tidak boleh dianggap sebagai menarik balik wasiat

18. Pewasiat tidak boleh dianggap menarik balik wasiatnya jika dia –

(a) mengubah suai sifat harta yang diwasiatkan; atau

(b) membuat apa-apa penambahan atau pengurangan ke atas harta yang diwasiatkan di mana harta tersebut tidak dapat diserahkan kepada penerima wasiat melainkan bersama-sama dengan penambahan atau pengurangan itu.

BAHAGIAN V

PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN WASIAT

Penerimaan atau penolakan wasiat

19. (1) Sesuatu wasiat boleh dilaksanakan apabila diterima secara nyata atau tersirat oleh penerima wasiat selepas kematian pewasiat.

(2) Penolakan sesuatu wasiat boleh dibuat secara nyata atau tersirat oleh penerima wasiat selepas kematian pewasiat.

(3) Jika penerima wasiat mati sebelum menerima atau menolak wasiat itu, waris penerima wasiat hendaklah menentukan sama ada menerima atau menolak wasiat itu.

Penerimaan atau penolakan oleh penjaga

20. Penerimaan atau penolakan wasiat hendaklah dilakukan oleh penjaga dalam hal keadaan di mana penerima wasiat ialah –

(a) seorang kanak-kanak yang belum mencapai umur lapan belas tahun;

(b) orang yang dihalang dari mengurus hartanya menurut hukum syarak; atau

(c) anak dalam kandungan dengan syarat bahawa dia dilahirkan hidup,

Dengan syarat penolakan wasiat oleh penjaga dibuat jika wasiat itu memudaratkan penerima wasiat.

Penerimaan atau penolakan oleh badan yang diperbadankan

21. Jika penerima wasiat itu ialah –

(a) badan yang diperbadankan, penerimaan atau penolakannya hendaklah dibuat oleh wakil sah badan-badan tersebut; atau

(b) kumpulan orang yang tidak diperbadankan, penerimaan dan penolakannya tidak diperlukan dan harta wasiat itu hendaklah diserahkan kepada tidak kurang daripada tiga (3) orang di antara mereka sebagai pemegang amanah untuk diuruskan bagi maksud wasiat itu.

Tempoh penerimaan atau penolakan wasiat

22. (1) Penerimaan atau penolakan wasiat bolehlah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penerima wasiat mengetahui kematian pewasiat dan kewujudan wasiat tersebut.

(2) Sekiranya penerima wasiat tidak menyatakan penerimaan atau penolakan dalam tempoh tersebut, mana-mana waris pewasiat hendaklah membuat permohonan di mahkamah untuk satu perintah mengarahkan penerima wasiat menyatakan penerimaan atau penolakannya bagi wasiat itu.

(3) Sekiranya penerima wasiat tidak menyatakan penerimaan atau penolakan kepada wasiat itu sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah di bawah subseksyen (2), mana-mana waris pewasiat bolehlah memohon kepada mahkamah untuk membatalkan wasiat itu.

Penerimaan sebahagian daripada wasiat

23. (1) Jika penerima wasiat menerima sebahagian daripada wasiat dan menolak sebahagian yang lain, wasiat bagi bahagian yang ditolak adalah terbatal.

(2) Jika sebahagian daripada penerima wasiat menerima wasiat dan sebahagian yang lain menolaknya, wasiat bagi bahagian penerima wasiat yang menolak adalah terbatal.

Penolakan sebelum dan selepas kematian pewasiat

24. (1) Sesuatu wasiat tidak terbatal jika penerima wasiat menolak wasiat tersebut sebelum kematian pewasiat.

(2) Apabila penerima wasiat menolak keseluruhan atau sebahagian daripada wasiat selepas kematian pewasiat tetapi sebelum menerima harta itu, wasiat itu terbatal setakat bahagian yang ditolak.

(3) Apabila penerima wasiat menolak keseluruhan atau sebahagian daripada wasiat selepas kematian pewasiat dan setelah dia menerima harta itu, penolakan itu adalah tidak sah melainkan semua waris bersetuju dengan penolakan tersebut.

Hak penerima wasiat terhadap harta yang diwasiatkan

25. (1) Apabila penerima wasiat wujud ketika kematian pewasiat, dia hendaklah berhak terhadap harta yang diwasiatkan itu dari masa kematian itu, melainkan ditetapkan masa tertentu selepas kematian tersebut.

(2) Penerima wasiat hendaklah berhak terhadap apa-apa keuntungan atau penambahan harta yang diwasiatkan dari tarikh dia berhak sehingga tarikh harta itu diterimanya; walaupun keuntungan atau penambahan itu bukan harta yang diwasiatkan

dan segala perbelanjaan dalam tempoh tersebut adalah tertanggung ke atas penerima wasiat.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENERIMA WASIAT

Wasiat kepada penerima wasiat yang belum wujud

26. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada penerima wasiat yang belum wujud atau kepada sekumpulan penerima wasiat yang sebahagiannya telah wujud dan yang sebahagian lagi belum wujud.

(2) Jika penerima wasiat yang disebut dalam subseksyen (1) tidak wujud ketika kematian pewasiat, harta yang diwasiatkan hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pewasiat.

(3) Jika wujud seorang sahaja penerima wasiat ketika atau selepas kematian pewasiat, dia hendaklah berhak kepada bahagiannya sehingga wujud penerima wasiat yang lain, dalam hal keadaan demikian harta tersebut dibahagikan menurut bahagian yang ditentukan dalam wasiat atau jika bahagiannya tidak ditentukan, harta itu hendaklah dibahagikan sama rata di antara mereka dan jika salah seorang daripada mereka mati, bahagiannya menjadi harta pusaka penerima wasiat.

(4) Jika seorang penerima wasiat sahaja wujud pada masa kematian pewasiat, dia hendaklah berhak kepada semua harta itu kecuali jika terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pewasiat bertujuan untuk memberi kepada beberapa orang penerima wasiat, dan dalam hal keadaan sedemikian, penerima wasiat yang wujud itu hendaklah berhak kepada bahagiannya sahaja dan jika dibuktikan bahawa tiada penerima wasiat lain yang wujud, bakinya hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pewasiat.

Wasiat kepada pihak tertentu

27. (1) Tertakluk kepada seksyen 26, apabila sesuatu wasiat dibuat kepada penerima wasiat secara umum tanpa menyebut nama mereka, dan sebahagian daripada mereka hilang kelayakan untuk menerima wasiat ketika kematian pewasiat, bahagian mereka yang hilang kelayakan itu hendaklah dibahagikan sama rata di antara penerima wasiat yang layak menerima wasiat sahaja.

(2) Apabila wasiat dibuat untuk dikongsi antara penerima wasiat sesama mereka, setiap penerima wasiat itu adalah berhak menerima harta mengikut bahagian masing-masing:

Dengan syarat kadar wasiat tersebut hendaklah tidak melebihi satu pertiga.

(3) Apabila sesuatu wasiat kepada mana-mana penerima wasiat yang ditentukan terbatal, bahagian harta yang diwasiatkan itu hendaklah menjadi harta pusaka pewasiat.

Wasiat kepada anak dalam kandungan

28. (1) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada anak dalam kandungan adalah sah jika –

(a) pewasiat membuat *iqrar* wujudnya anak dalam kandungan ketika wasiat itu dibuat dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang sah menurut hukum syarak; atau

(b) pewasiat tidak membuat *iqrar* wujudnya anak dalam kandungan dan seorang anak dilahirkan hidup semasa ibu kanak-kanak itu masih dalam perkahwinan atau dalam *iddah talaq raj'i* atau *iddah*

mati atau *iddah bain* dalam tempoh yang sah menurut hukum syarak dari masa wasiat itu dibuat.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak dalam kandungan orang lain:

Dengan syarat bahawa anak dalam kandungan itu adalah anak yang sabit nasabnya menurut hukum syarak kepada orang yang ditentukan.

(3) Bahagian harta yang diwasiatkan kepada anak dalam kandungan hendaklah ditadbir oleh penjaga atau wasi sehingga anak dalam kandungan itu dilahirkan hidup dan hendaklah diserahkan kepada anak itu apabila dia mempunyai kelayakan untuk menerimanya.

Anak dalam kandungan yang dilahirkan lebih daripada seorang

29. (1) Apabila anak dalam kandungan yang dilahirkan hidup lebih daripada seorang sama ada dalam masa yang sama atau dalam masa enam bulan, wasiat itu hendaklah dibahagikan sama banyak di antara mereka kecuali jika wasiat tersebut mensyaratkan sebaliknya.

(2) Jika salah seorang anak dalam kandungan dilahirkan mati, anak dalam kandungan yang dilahirkan hidup hendaklah berhak ke atas semua harta yang diwasiatkan kecuali jika wasiat tersebut mensyaratkan sebaliknya.

(3) Jika salah seorang anak dalam kandungan mati selepas ianya dilahirkan hidup, bahagiannya atas harta yang diwasiatkan itu hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusakanya tetapi jika wasiat itu adalah untuk manfaat sahaja ia hendaklah kembali menjadi sebahagian daripada harta pusaka pewasiat.

Wasiat kepada waris

30. (1) Sesuatu wasiat yang dibuat kepada waris pewasiat sah jika mendapat persetujuan daripada waris-waris yang lain selepas kematian pewasiat.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika sebahagian waris bersetuju dan sebahagian yang lain tidak bersetuju, maka penerima wasiat berhak ke atas bahagian waris yang bersetuju sahaja.

Wasiat *wajibah*

31. (1) Jika seseorang datuk atau nenek mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya dan ke bawah daripada anak lelakinya atau cucu peringkat pertama daripada anak perempuannya yang mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya dalam kejadian yang sama atau berlainan, cucunya itu berhak terhadap wasiat *wajibah*.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), pelaksanaan wasiat *wajibah* hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut –

(a) cucu adalah bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk atau neneknya;

(b) bapa atau ibu tidak berlainan agama dengan datuk atau neneknya atau terlibat dengan pembunuhan datuk atau neneknya atau murtad;

(c) cucu tidak menerima harta daripada datuk atau nenek sama ada melalui hibah atau wasiat; dan

(d) setelah didahulukan urusan berkaitan jenazah, hutang piutang dan wasiat *ikhtiyariyyah*.

Kadar wasiat *wajibah*

32. (1) Kadar wasiat *wajibah* adalah mengambil kadar bahagian faraid bapa atau ibu yang telah meninggal dunia dengan andaian bahawa bapa atau ibu masih hidup ketika kematian datuk atau nenek, dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka.

(2) Sekiranya kadar bahagian faraid bapa atau ibu adalah kurang daripada satu pertiga, maka kadar pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan.

(3) Sekiranya kadar bahagian faraid bapa atau ibu melebihi daripada satu pertiga, maka hendaklah dikurangkan pada kadar satu pertiga, melainkan setelah mendapat persetujuan waris datuk atau neneknya yang lain.

(4) Sekiranya datuk atau nenek telah mewasiatkan kepada cucu mereka yang telah kematian bapa atau ibu dengan kadar wasiat yang melebihi kadar bahagian bapa atau ibu dalam harta pusaka tetapi tidak melebihi satu pertiga, maka lebihan tersebut dikira sebagai wasiat *ikhtiyariyyah* yang berhak diterima oleh cucu tanpa perlu mendapat persetujuan waris datuk atau nenek yang lain.

(5) Sekiranya datuk atau nenek mewasiatkan atau menghibahkan kepada cucu dengan kadar yang kurang daripada bahagian yang sepatutnya diterima oleh bapanya atau ibunya yang telah meninggal dunia dalam harta pusaka, maka hendaklah disempurnakan kadar tersebut sehingga menyamai kadar bahagian yang sepatutnya diterima oleh bapanya atau ibunya yang telah meninggal dunia dalam harta pusaka.

(6) Pembahagian wasiat *wajibah* kepada cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang lelaki menerima bahagian dua orang perempuan.

BAHAGIAN VII

AM

Hukum Syarak

33. (1) Mana-mana peruntukan atau pentafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang berlawanan dengan hukum syarak hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah merujuk kepada hukum syarak.

Kuasa membuat kaedah-kaedah

34. Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta membuat kaedah-kaedah, bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini dan khususnya, tanpa menjejaskan keluasan peruntukan tersebut, kaedah-kaedah itu bolehlah memperuntukkan bagi-

(a) borang, daftar dan dokumen-dokumen lain yang digunakan berkaitan dengan mana-mana tindakan atau perkara yang dibuat di bawah atau menurut Enakmen ini;

(b) bentuk apa-apa sijil, notis, atau dokumen lain yang dikehendaki bagi maksud melaksanakan Enakmen ini;

(c) membuat carian dan memberi salinan-salinan yang diperakui; dan

(d) perkara lain sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan Enakmen ini.

Pengecualian

35. Majlis boleh, melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta, mengecualikan mana-mana orang tertentu atau mana-mana golongan, kategori orang, daripada semua atau mana-mana peruntukan Enakmen ini, bagi apa-apa tempoh masa dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dalam perintah itu.

Peralihan

36. Semua peraturan, kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang mansuh menurut kuasa oleh Enakmen ini hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan, kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

JADUAL PERTAMA

(Subseksyen 2(3))

TULISAN DALAM BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

Iddah	-	عدة
Iddah bain	-	عدة بائن
Iqrar	-	إقرار
Marad al-maut	-	مرض الموت
Qarinah	-	قرينة
Talaq raj'i	-	طلاق رجعي
Urf	-	عرف
Waris	-	وارث
Wasi	-	وصي
Wasiat	-	وصية

JADUAL KEDUA

(Subseksyen 3 (4))

BORANG WASIAT BERTULIS

بسم الله الرحمن الرحيم

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani)

Segala puji bagi Allah, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW semoga kesejahteraan dan rahmat Allah SWT dilimpahkan kepada keluarganya, para sahabat dan pengikut-pengikutnya.

Bahawasanya saya berada di dalam keadaan sihat dan waras fikiran, yang membolehkan saya memahami bentuk wasiat dan akibat yang berbangkit daripadanya, serta saya menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah SWT Yang Esa, tidak ada sekutu bagiNya dan Nabi Muhammad SAW adalah hambaNya dan RasulNya; Bahawasanya Syurga itu benar dan bahawa Hari Kiamat akan tiba tidak ragu-ragu lagi dan Allah akan membangkitkan semua ahli kubur;

Bahawasanya saya:

.....

No. Kad Pengenalan:

.....

Yang beralamat di:

.....

.....

dengan rela hati, sempurna akal dan sihat tubuh badan, tanpa sebarang paksaan dengan ini menarik balik semua Wasiat terdahulu yang pernah dibuat oleh saya (sekiranya ada) dan mengisytiharkan ini adalah Wasiat saya yang terakhir.

Bahawasanya dengan ini saya melantik ..... sebagai Wasi dan Pemegang Amanah bagi harta pusaka saya (selepas daripada ini disebut sebagai Wasi dan Pemegang Amanah) atas dasar saya mempercayai agamanya, amanahnya, adilnya dan berpuas hati kepadanya, dan terserahlah kepadanya untuk melaksanakan apa yang difikirkan patut untuk kebaikan waris-waris saya dan diterima semua yang tersebut mengikut hukum syarak.

Bahawasanya saya mewasiatkan kepada anak, keluarga dan kaum kerabat saya supaya bertakwa kepada Allah Azzawajalla dan mentaatiNya serta berdiri teguh di atas syariat dan agamaNya dan mati di dalam agama Islam; dan

Bahawasanya apabila ajal yang ditetapkan Allah ke atas makhlukNya tiba ke atas diri saya, maka hendaklah waris-waris saya atau Wasi dan Pemegang Amanah saya berhati-hati dengan harta peninggalan saya iaitu:

1. Dimulakan dengan membelanjakannya untuk menyempurnakan jenazah saya sehingga selamat dikebumikan;

2. Kemudian dibayar segala hutang saya dengan Allah SWT, membayar zakat, badal haji (sekiranya saya meninggal dunia sebelum menunaikan haji) dan hutang yang tertanggung ke atas *zimmah* saya dan serta yang diakui di hadapan saksi-saksi saya iaitu dibayar kepada:

   .....
   .....
   sejumlah .....

3. Bahawasanya saya mewasiatkan harta saya yang tidak melebihi satu pertiga mengikut ketetapan berikut:

   .....
   .....

Ditandatangani oleh pewasiat di atas
Di hadapan kami,
yang di atas permintaannya dan di hadapannya
kami menurunkan nama-nama kami
sebagai saksi-saksi.

.....

Ditandatangani oleh saksi-saksi:

…….
(Nama saksi pertama)

……...
(Nama saksi kedua)

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan suatu undang-undang baru di Negeri ..... yang berhubungan dengan wasiat bagi orang Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. Bahagian I mengandungi perkara permulaan.

Fasal 1 bertujuan untuk membuat peruntukan tentang tajuk ringkas, pemakaian dan peruntukan tentang tarikh kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan ini.

3. Bahagian II mengandungi peruntukan mengenai pembentukan wasiat.

Fasal 3 memperuntukkan bahawa sesuatu wasiat boleh dibuat dengan lisan, tulisan atau isyarat.

Fasal 4 membuat peruntukan yang berhubungan dengan kelayakan seseorang pewasiat.

Fasal 5 mengadakan peruntukan bahawa sesuatu wasiat boleh dibuat secara bersyarat. Sesuatu wasiat yang bersyarat adalah sah sekiranya syarat yang ditetapkan itu sendiri adalah sah menurut hukum syarak.

Fasal 6 mengandungi peruntukan mengenai pewasiat boleh meminda sesuatu wasiat dan jika kadar pembahagian tidak ditentukan oleh pewasiat, penerima wasiat hendaklah berkongsi pada kadar sama rata pembahagian harta wasiat itu.

Fasal 7 bertujuan untuk menghendaki supaya apa-apa tuntutan yang mempertikaikan kesahan sesuatu wasiat hendaklah disokong oleh dokumen yang ditulis dan ditandatangani oleh pewasiat; sekiranya dokumen tersebut sukar dikemukakan, ia hendaklah disokong oleh keterangan dua orang saksi atau lebih.

Fasal 8 membuat peruntukan yang berhubungan dengan kelayakan wasi.

Fasal 9 membuat peruntukan yang berhubungan dengan syarat penerima wasiat.

Fasal 10 membuat peruntukan berhubung dengan syarat harta yang diwasiatkan.

Fasal 11 membuat peruntukan berhubung dengan beberapa cara sesuatu wasiat boleh dibuat.

Fasal 12 membuat peruntukan berhubung dengan kadar harta yang diwasiatkan.

Fasal 13 memperkatakan tentang penyelesaian tanggungan sebelum sesuatu wasiat dilaksanakan.

Fasal 14 membuat peruntukan berhubung dengan wasiat kepada tempat-tempat ibadat dan badan-badan kebajikan.

4. Bahagian III membuat peruntukan berhubungan dengan wasiat terbatal dan wasiat terhalang;

Fasal 15 membuat peruntukan berhubung dengan keadaan tertentu yang menyebabkan sesuatu wasiat boleh menjadi batal.

Fasal 16 memperkatakan tentang wasiat yang terhalang atas alasan penerima wasiat menyebabkan kematian pewasiat.

5. Bahagian IV membuat peruntukan yang berhubungan dengan penarikan balik wasiat.

Fasal 17 membuat peruntukan berhubung dengan perbuatan yang menyebabkan wasiat boleh ditarik balik.

Fasal 18 pula memperkatakan tentang perbuatan-perbuatan tertentu yang tidak boleh dianggap sebagai menarik balik sesuatu wasiat.

6. Bahagian V membuat peruntukan yang berhubungan dengan penerimaan atau penolakan wasiat.

Fasal 19 memperkatakan tentang cara bagaimana sesuatu wasiat boleh diterima atau ditolak.

Fasal 20 memperkatakan tentang penerimaan atau penolakan oleh penjaga.

Fasal 21 memperkatakan tentang penerimaan atau penolakan oleh badan yang diperbadankan.

Fasal 22 memperkatakan tentang tempoh penerimaan atau penolakan wasiat.

Fasal 23 memperkatakan tentang penerimaan sebahagian daripada wasiat.

Fasal 24 memperkatakan tentang penolakan sebelum dan selepas kematian pewasiat.

Fasal 25 memperkatakan tentang hak penerima wasiat terhadap harta yang diwasiatkan.

7. Bahagian VI membuat peruntukan berhubungan dengan penerima wasiat.

Fasal 26 memperkatakan tentang wasiat kepada penerima wasiat yang belum wujud.

Fasal 27 memperkatakan tentang wasiat kepada pihak tertentu.

Fasal 28 memperkatakan tentang wasiat kepada anak dalam kandungan.

Fasal 29 memperkatakan tentang kedudukan sesuatu wasiat jika seseorang perempuan melahirkan dua atau lebih anak.

Fasal 30 memperkatakan tentang wasiat kepada waris.

Fasal 31 memperkatakan tentang wasiat *wajibah*.

Fasal 32 memperkatakan tentang kadar wasiat *wajibah*.

8. Bahagian VII membuat peruntukan yang berhubungan dengan perkara-perkara am.

Fasal 33 membuat peruntukan di mana sekiranya mana-mana peruntukan atau pentafsiran Enakmen yang dicadangkan ini yang tak konsisten dengan hukum syarak, peruntukan atau pentafsiran itu hendaklah terbatal setakat yang tak konsisten itu dan jika terdapat apa-apa lakuna dalam peruntukan Enakmen yang dicadangkan, Mahkamah hendaklah merujuk kepada hukum syarak.

Fasal 34 membuat peruntukan tentang kuasa-kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.

Fasal 35 membuat peruntukan berhubung dengan pengecualian yang dikeluarkan oleh Majlis kepada mana-mana orang melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta.

Fasal 36 mengandungi peruntukan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

2.2. PINDAAN-PINDAAN KHUSUS MENGIKUT KEPERLUAN

i. Penggunaan Istilah Akta, Ordinan atau Enakmen

Memandangkan istilah nama bagi undang-undang di Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri tertentu adalah berbeza mengikut pemakaian di negeri masing-masing, maka nama undang-undang wasiat ini perlu disesuaikan sebagaimana cadangan berikut:

a. Akta Wasiat Orang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 20…. digunakan untuk undang-undang wasiat khusus di Wilayah Persekutuan;

b. Ordinan Wasiat Orang Islam (Negeri Sarawak) 20…. digunakan untuk undang-undang wasiat khusus di Negeri Sarawak; atau

c. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri ……) 20…. digunakan untuk undang-undang wasiat di negeri-negeri lain selain yang disebutkan di atas.

Begitu juga dengan istilah “Enakmen” atau “Enakmen ini” dalam model perundangan wasiat di dalam MPMPW ini, ia perlu diselaraskan kepada:

a. “Akta” atau “Akta ini” bagi Wilayah Persekutuan;

b. “Ordinan” atau “Ordinan ini” bagi Negeri Sarawak; atau

c. Dikekalkan dengan “Enakmen” atau “Enakmen ini” bagi negeri-negeri lain selain yang disebutkan di atas.

ii. Pemansuhan Enakmen Wasiat Sedia Ada

Bagi membolehkan model perundangan wasiat di dalam MPMPW ini digunakan bagi tujuan penyeragaman di negeri-negeri yang telah mempunyai enakmen wasiat tersendiri seperti Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan, satu peruntukan khusus untuk pemansuhan enakmen sedia ada perlu ditambah dalam undang-undang wasiat ini dan diletakkan sebelum peruntukan berkaitan Pengecualian dalam Bahagian VII (Am) sebagaimana contoh berikut:

Pemansuhan

35. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri …….....) (Tahun) adalah dimansuhkan.

2.3. KESIMPULAN

Penyediaan MPMPW ini diharapkan akan dapat membantu pihak MAIN dalam penggubalan undang-undang wasiat bagi negeri-negeri yang belum mempunyai undang-undang wasiat tersendiri, serta penyeragaman enakmen-enakmen wasiat sedia ada di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, model perundangan wasiat dalam MPMPW ini bukanlah bersifat mutlak untuk diterima dan diaplikasikan oleh pihak MAIN secara total, sebaliknya ia disediakan sebagai panduan dan tertakluk kepada pindaan mengikut kesesuaian dan keperluan di negeri masing-masing.

Sehubungan dengan itu, pihak JAWHAR amat mengalu-alukan sebarang maklum balas dan cadangan penambahbaikan ke atas model perundangan wasiat yang terkandung dalam MPMPW ini demi kepentingan bersama, insya-Allah.

BAB 3



PENUTUP

Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

"Tidak wajar bagi seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan, membiarkan dua malam berlalu tanpa menulis wasiatnya."

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

3.1. PENGENALAN

Penerbitan MPMPW ini diharap akan dapat memberi nilai tambah kepada pihak MAIN dalam perancangan dan pengurusan harta umat Islam melalui instrumen wasiat. Justeru, setiap individu dan pihak yang terlibat terutamanya MAIN dan juga masyarakat awam bolehlah menjadikan MPMPW ini sebagai panduan dan rujukan dalam melaksanakan perancangan dan pengurusan harta umat Islam melalui wasiat supaya ia dapat dilaksanakan secara sistematik dan teratur selaras dengan kehendak syarak.

3.2. IMPAK

Menerusi MPMPW ini, beberapa implikasi positif adalah diharapkan seperti berikut:

i. Penggubalan Undang-undang Wasiat di Setiap Negeri

Penerbitan MPMPW ini bertujuan menyediakan garis panduan serta model yang jelas dan seragam berkaitan perundangan wasiat untuk diadaptasikan di setiap negeri. Justeru, ia diharapkan akan menjadi garis panduan yang berguna dalam penggubalan undang-undang wasiat di negeri-negeri yang masih belum mempunyai undang-undang wasiat yang tersendiri.

ii. Penyeragaman Perundangan Wasiat di Negeri-negeri

Dengan adanya model perundangan wasiat yang jelas dan komprehensif menerusi MPMPW ini, diharapkan agar semua undang-undang wasiat di seluruh negara dapat diseragamkan supaya ia dapat membantu perancangan dan pengurusan harta umat Islam dilakukan secara sistematik dan standard.

iii. Peningkatan Ilmu Pengetahuan dan Kefahaman Umat Islam Tentang Wasiat

Menerusi penerbitan MPMPW ini, umat Islam juga berkesempatan untuk menambah ilmu pengetahuan dan kefahaman mereka mengenai wasiat. Walaupun MPMPW ini disusun dalam bentuk undang-undang, peruntukan-peruntukan dalam MPMPW turut menyentuh konsep asas mengenai wasiat berdasarkan pandangan Jumhur Fuqaha' serta memuatkan dalil-dalil daripada Al-Quran dan Hadis secara ringkas. MPMPW ini juga dapat memperjelaskan kepada para pembaca tentang kaedah pengurusan dan perundangan wasiat yang diamalkan di negara kita.

3.3. KESIMPULAN

MPMPW merupakan salah satu daripada Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang berperanan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada MAIN dan masyarakat umum dalam usaha JAWHAR mencapai Teras Strategik 3 dalam Pelan Strategik JAWHAR 2012-2016 iaitu "Pengukuhan Institusi Mal dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah".

Justeru, penerbitan MPMPW ini adalah selaras dengan objektif utama Teras Strategik tersebut iaitu dengan mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan pihak MAIN. Maklum balas positif dan sokongan padu pihak MAIN dan masyarakat umum juga adalah diharapkan agar usaha penambahbaikan dan pemantapan MPMPW ini dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel: 603-8883 7400, Faks: 603-8883 7406

[www.jawhar.gov.my]

ISBN 978-967-5213-14-4